



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[MISUNDERSTANDING ORIENTALIS TO RASM MUSHAF UTHMANI]

SALAH FAHAM ORIENTALIS TERHADAP RASM MUSHAF UTHMANI

DAUD ISMAIL¹

ASYRAF AB RAHMAN^{2*}

WAN MOHD KHAIRUL WAN KHAIRULDIN¹

ABDULSOMA THOARLIM¹

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.

² Universiti Terengganu Malaysia, Terengganu.

*Corresponding author: wanfirdaus@unisza.edu.my

Received Date: 9 May 2018 • Accepted Date: 9 Sept 2018

Abstract

Mushaf Uthmani is a certified Quranic version of the Quran in terms of its validity. Adhering to Mushaf Uthmani became the practice of the Sunnah since periods of time. In their attempt to mislead Muslims, most Orientalists tried to raise doubts about the Mushaf Uthmani script. This paper will reveal the Orientalists' misunderstanding of the Mushaf Uthmani, as well as rebuttal over intentional doubts and doubts. Using content analysis approach, the study identified several Quranic verses manipulated by the orientalists and analysed their misunderstandings as part of their efforts and agenda in poisoning the world's minds to dispute the authority of Mushaf Uthmani. For that, some clarifications were done towards arguing back those orientalists' views which manipulated the verses rather than observing its truth revealed by Allah. Orientalists are known to be a strict enemy of Islam. They try to make the authority of al-Quran as the main source of Islamic law be doubted.

Keywords: *Mushaf Rasm Uthmani, Orientalis, Misunderstanding.*

Abstrak

Mushaf Uthmani adalah versi mushaf al-Quran yang telah diperakui kesahannya. Menggunakan pakai Mushaf Uthmani menjadi amalan Sunnah yang diikuti zaman berzaman. Namun, sebahagian besar Orientalis berusaha menimbulkan keraguan terhadap rasm Mushaf Uthmani. Artikel ini akan cuba mendedahkan salah faham Orientalis terhadap rasm Mushaf Uthmani, serta sanggahan ke atas kemusykilan dan keraguan yang disengajakan. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kandungan. Didapati salah satu usaha Orientalis ialah merealisasikan agenda meracuni pemikiran masyarakat dunia agar mempertikaikan autoriti Mushaf Uthmani. Justeru, mereka sengaja menimbulkan aspek-aspek yang disangka boleh dimanipulasikan. Orientalis dikenal pasti merupakan musuh ketat Islam. Mereka berusaha supaya kewibawaan al-Quran sebagai sumber utama perundangan Islam boleh dipertikaikan.

Kata kunci: Rasm Uthmani, Orientalis, Salah Faham

Cite as: Daud Ismail, Asyraf Ab Rahman, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin & Abdulsoma Thoarlim. 2018. Salah Faham Orientalis Terhadap Rasm Mushaf Uthmani. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 18(1): 64-70

PENGENALAN

Mushaf Uthmani merupakan satu versi mushaf al-Quran yang dibukukan sejak Khalifah Uthman bin Affan menerajui Kerajaan Islam. Ia merupakan mushaf warisan yang diterima pakai dalam kalangan masyarakat Islam zaman berzaman. Pembacaan al-Quran dengan menggunakan versi mushaf ini adalah termasuk dalam amalan sunnah Rasulullah s.a.w. Selain kedudukannya sebagai sunnah yang perlu diikuti, kemantapan bacaan al-Quran juga diperoleh melalui penggunaannya.

Melihat kepada kepentingan besar Mushaf Uthmani kepada masyarakat Islam, para musuh Islam, khususnya golongan Orientalis telah berusaha menelusuri lebih mendalam perkembangan Mushaf Uthmani dari pelbagai aspek. Ini antara lain bermotifkan usaha penyelewengan terhadap al-Quran atau sekurang-kurangnya menjadikan al-Quran sebagai sumber yang boleh diragui kebenarannya (Mutei, 1992).

Oleh itu, umat Islam perlu meneliti perkembangan sejarah pengumpulan dan penulisan al-Quran menerusi karya-karya lama yang ditulis generasi awal Islam. Pengetahuan diperoleh ini merupakan perisai bagi menepis serangan minda (*al-ghazw al-fikri*) yang sangat berbahaya. Pihak-pihak yang memusuhi Islam seperti Orientalis khususnya menggunakan senjata akademik untuk menghancurkan Islam dan umat (Namlah, 1998).

Orientalisme diertikan dengan ilmu tentang ketimuran. Orientalisme juga boleh difahami sebagai pengajian tentang dunia Islam. Manakala Orientalis adalah kumpulan sarjana yang menelusuri perkembangan dunia Islam. Mereka adalah terdiri daripada Yahudi, Kristian, Atheist dan kuncu-kuncunya yang mendalami pelbagai bidang ilmu Islam, merangkumi al-Quran, akidah, syariah, peradaban, budaya, bahasa, sejarah dan tamadun Islam (Shalabi, t.th.).

Tidak dapat dikenal pasti secara tepat bila dan siapakah orang pertama yang mengilhamkan idea ini. Namun, majoriti sejarawan hampir bersepakat menyatakan gerakan Orientalis diasaskan di Perancis dan mula bergiat pada penghujung abad ke-10 Masihi lagi. Mereka cuba mendalami ilmu-ilmu Islam dan banyak menghasilkan karya berkaitan dengan Islam (Sharqawi, t.th.). Didapati ada agenda lain berselindung di sebalik kajian ilmiah mereka, iaitu perang minda (*al-ghazw al-fikri*).

Golongan Orientalis melakukan kajian terhadap disiplin ilmu Islam adalah antara lain untuk mengetahui aspek-aspek yang dapat dikaji bagi tujuan memutarbelitkan fakta, menaburkan keraguan dan berusaha untuk memesong pemikiran dan pegangan umat Islam. Melalui kajian ilmiah, mereka sengaja menimbulkan implikasi yang boleh mengelirukan pandangan dan fahaman manusia sejagat terhadap kebenaran Islam (Alaluh, 2002 & Majid, 2007).

Arthur John Arberry melalui bukunya *The Koran Interpreted* (1964) dan Rod Well (1909), banyak membuat bidasan terhadap Islam, khususnya kitab suci al-Quran (Badawi, 1993). Buku ini ditulis untuk memerihalkan beberapa aspek salah faham Orientalis terhadap

wajh qira'at bagi rasm Mushaf Uthmani. Goldziher (1971) mendakwa rasm Mushaf Uthmani boleh diragukan kerana tidak memenuhi syarat *wajh qira'at* yang diakui kesahihannya. Tuduhan ini dibuat kerana terdapat beberapa struktur kalimah dalam Mushaf Uthmani yang tidak boleh dibaca mengikut mana-mana *wajh qira'at yang mutawatirah* (bacaan teramai). Dari aspek lain pula, beliau mempertikaikan kesahihan rasm Mushaf Uthmani yang menepati tatabahasa Arab, iaitu *wajh i'rab* (Shalabi, 1999).

METODOLOGI

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan analisis kandungan sebagai pendekatan kajian. Melalui pendekatan ini, buku-buku yang membincangkan persoalan salah faham orientalis terhadap *wajh qira'at* dikumpulkan dan dianalisis. Antaranya buku yang ditulis oleh al-Buti (2007), Shalabi (1999), Namlah (1998), Mutei (1992), Arberry (1964), Rodwell (1909), Goldziher (1994) dan lain-lain.

Melalui analisis kandungan buku-buku yang dibaca, terdapat banyak pandangan dan salah faham Orientalis khususnya terhadap konsep istilah al-Quran dan kaedah rasm Mushaf Uthmani. Kelemahan penguasaan bahasa Arab juga menjadikan mereka tidak mampu mengikuti kaedah dan pendekatan yang diamalkan dalam Mushaf Uthmani dengan disiplin yang betul.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berkaitan al-Quran, golongan Orientalis sengaja menimbulkan aspek-aspek yang boleh diragukan. Melalui kajian ilmiah, Goldziher, Arthur, John dan Arberry telah berusaha meracuni fikiran masyarakat dunia khususnya umat Islam untuk menidakkan keaslian dan kebenaran al-Quran. Hal yang banyak dikelirukan mereka ialah konsep wahyu dan *wajh qira'at* dalam rasm Mushaf Uthmani.

Pada pandangan mereka, wahyu adalah hasil buah fikiran Nabi Muhammad s.a.w. setelah berfikir bersungguh-sungguh tentang situasi dan keadaan sekitar dalam jangka masa yang agak lama. Demikian mendiskriminasikan masyarakat Arab dalam kerangka hidup baru di bawah tunjuk ajar dan bimbingan Baginda s.a.w. (Sale & Wherry, 1973).

Apa yang difahami itu merupakan persepsi yang salah kerana mereka menyamakan wahyu dengan ilham. Pada hakikatnya, wahyu dan ilham adalah dua konsep yang didapati sangat berbeza. Ilham merupakan cetusan dalam diri seseorang yang diperoleh secara berusaha melalui melihat, memerhati dan memikir. Manakala wahyu pula ialah suatu yang datang dari luar diri seseorang secara tiba-tiba, tanpa dirancang dan diberitahu terlebih dahulu. Ia diperoleh melalui talaqqi (pengambilan) dan *istiqbali* (penerimaan). Mengambil bukti dari fakta sejarah yang menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w. setelah menerima wahyu pertama di gua Hira' terus pulang ke rumah dalam ketakutan. Kemudian Baginda s.a.w. ditemani isterinya Khadijah binti Khuwaylid bertemu seorang paderi untuk mendapat penjelasan apa sebenarnya yang berlaku.

Ini membuktikan wahyu diterima Baginda s.a.w. itu adalah daripada Allah s.w.t. melalui Malaikat Jibril a.s. dan ia bukan bersifat ilham seperti yang didakwa Orientalis. Pokoknya, jika wahyu yang disampaikan berupa ilham yang menjelma dari dalam dirinya, sudah tentu Baginda

s.a.w. tidak dihantui pengalaman yang sangat menakutkan itu. Bukti lain yang boleh mencerahkan salah faham ini pula ialah Baginda s.a.w. merasai terharu dan gelisah pada ketika wahyu terhenti dalam tempoh yang agak lama. Sekiranya wahyu itu berupa cetusan idea yang timbul daripada Baginda s.a.w. mengapa pula terdapat beberapa soalan yang diajukan kafir Qaraisy tidak boleh dijawab serta merta (al-Buti, 2007).

Selain wahyu, Orientalis juga mahu mengelirukan rasm Mushaf Uthmani yang diterima pakai dalam kalangan umat Islam di serata pelusuk dunia. Shalabi (1999) melalui bukunya Rasm al-Mushaf al-Uthmani wa 'Awham al-Mustashriqin fi Qira'at al-Qur'an al-Karim, cuba mendedahkan pelbagai salah faham Orientalis terhadap rasm Mushaf Uthmani. Salah faham yang dimaksudkan, antara lain dapat dilihat pada aspek-aspek berikut:

STRUKTUR KALIMAH YANG MENYIMPANG DARI WAJH QIRA'AT

Contoh pada firman Allah Taala dalam surah Taha 20:63

﴿قَالُوا إِنَّ هَٰذَيْنِ لَسَاحِرَٰنِ يُرِيدَانِ أَنْ يُخْرِجَاكُم مِّنْ أَرْضِكُمْ بِسِحْرِهِمَا وَيَذْهَبَا بِطَرِيقَتِكُمُ الْمُثَلٰى ۝٦٣﴾

Menurut Orientalis, kalimah (هَٰذَيْنِ) dibaca mengikut *wajh qira'at mutawatirah* adalah berbunyi هَٰذَيْنِ (hazayni). Mereka mendakwa rasm Mushaf Uthmani bagi struktur kalimah berkenaan tidak memenuhi bacaan teramai (qira'at mutawatirah). Ini memandangkan ia ditulis tanpa huruf ya'.

Sebenarnya, tanpa meletakkan ('ithbat) huruf alif atau ya' pada struktur kalimah هَٰذَيْنِ menunjukkan keunikan rasm Mushaf Uthmani yang membolehkan kalimah berkenaan dibaca dalam pelbagai wajah qira'at mutawatirah, iaitu هَٰذَانِ atau هَٰذَيْنِ. Ia dibaca dengan هَٰذَانِ adalah mewakili qira'at Nafi', Ibn Amir, Hamzah, Kisai, Hafs dan lain-lain. Menurut Abu Amru pula, ia dibaca dengan هَٰذَيْنِ. Mereka ini merupakan tokoh terkemuka dan qira'at yang dipelopori mereka adalah diakui sebagai mutawatirah yang dibenarkan dan diterima pakai.

KALIMAH YANG MENYIMPANG DARI WAJH I'RAB

Pada pandangan Orientalis, dalam Mushaf Uthmani terdapat beberapa kalimah yang ditulis tidak memenuhi wajah i'rab. Sebagai contoh dalam surah al-Ma'idah 5:69:

﴿إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالصَّٰبِؕ ءُونَ وَالنَّصْرَىٰ مَن ءَامَنَ بِاللّٰهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ۝٦٩﴾

Menurut Orientalis, kalimah (الصَّابِنُونَ) sepatutnya ditulis الصَّابِنِينَ memandangkan ia sebagai kata penyambung (ma'tuf) kepada kalimah الَّذِينَ yang iaitu ism اِن. Hakikatnya, kalimah الصَّابِنُونَ seperti yang ditulis dalam Mushaf Uthmani tidak menjadi kesalahan dari segi wajah I'rab. Ia dibaca dengan baris hadapan (rafu') atas asas mubtada' yang khabarnya adalah dibuang (mahzuf) dengan taqdir.

Contoh berikutnya dalam surah al-Nisa' 4:162:

﴿لَكِنَّ الرِّسْخُونَ فِي الْعِلْمِ مِنْهُمْ وَالْمُؤْمِنُونَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنْزِلَ مِنْ قَبْلِكَ وَالْمُقِيمِينَ الصَّلَاةَ
وَالْمُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَالْمُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ أُولَئِكَ سَنُؤْتِيهِمْ أَجْرًا عَظِيمًا﴾^{١١٢}

Pada pandangan Orientalis, struktur kalimat yang bergaris (والمقيمين) hendaklah ditulis dengan (الراسخون) memandang ia adalah kata penyambung (ma'tuf) kepada kalimat (المؤمنون). Sebenarnya, kalimat المقيمين seperti yang ditulis dalam Mushaf Uthmani itu adalah tidak menyimpang dari wajah I'rab. Ia dibaca dengan baris di atas (nasb) adalah kerana wajah I'rabnya ialah madh (مدح) dengan taqdir. أعني المقيمين.

Contoh berikutnya dalam surah al-Munafiqun 63:10:

﴿وَأَنْفِقُوا مِنْ مَّا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا أَخَّرْتَنِي إِلَى أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ
وَأَكُنْ مِنَ الصَّالِحِينَ﴾^{١١٣}

Orientalis berpandangan bahawa kalimat yang bergaris واكن sepatutnya ditulis وأكون memandang ia adalah kata penyambung (ma'tuf) kepada kalimat فأصدق. Sebenarnya, kalimat وأكن seperti ditulis dalam Mushaf Uthmani tidak menyimpang dari wajah ikrab. Ia dibaca dengan mati (jazm), iaitu واكن adalah kerana telah dikenal pasti bahawa wajah irab bagi kalimat berkenaan ialah *mahmul* 'ala makna dengan taqdir إن أخرتني أكن.

Wujud Kepelbagaian Wajah Qira'at Berpunca Daripada Rasm Mushaf Uthmani Yang Tidak Diletak Titik dan Baris

Menurut Orientalis wujudnya kepelbagaian *wajh qira'at* berpunca daripada kelemahan rasm Mushaf 'Uthmani yang pada asalnya ditulis tanpa titik (nuqtat al-huruf) dan baris (al-shakl).

Disebabkan tanpa titik (nuqtat al-huruf), Goldziher (1944) dalam al-Madhab al-Arbaah fi Tafsir al-Qur'an mengatakan kalimat تستكبرون pada firman Allah Taala وما كنتم تستكبرون (al-A'raf 7: 48) dibolehkan dibaca dalam dua bentuk wajah qira'at iaitu تستكثرون atau تستكبرون. Beliau juga menyatakan bahawa kalimat من adalah berpunca daripada kelemahan rasm Mushaf Uthmani yang pada asalnya ditulis tanpa meletakkan baris (Al-Shakl). Ini adalah dakwaan yang sengaja diada-adakan oleh golongan yang tidak berpuas hati dengan kebangkitan umat Islam. Malah apa yang didakwa itu bagi memburuk-burukkan imej Mushaf Uthmani semata-mata.

Walau bagaimanapun, dakwaan ini telah pun disanggah oleh Shalabi (1999) dengan hujah-hujah yang lebih menarik dan meyakinkan. Beliau melihat sikap Orientalis seperti Goldhizer yang mengaitkan sebab wujud kepelbagaian bentuk *wajh qira'at* dengan rasm Mushaf Uthmani yang tidak mempunyai titik dan baris huruf adalah salah. Demikian adalah kerana riwayat bentuk bacaan al-Quran dalam pelbagai bentuk *wajh qira'at* telah wujud

sebelum Mushaf Uthmani lagi. Bahkan, bentuk wajah qira'at yang sedia ada itulah mendasari Rasm Uthmani. Asas pembentukan struktur kalimah bagi membolehkan al-Quran dibaca dalam pelbagai bentuk wajah qira'at. Dalam pada itu, bentuk bacaan (wajah qira'at) yang menepati Rasm Uthmani tetapi tidak bersambungan atau mempunyai sanad yang sampai kepada Rasulullah s.a.w. adalah sebagai qira'at yang tidak boleh diambil kira. Salah faham ini disebabkan kegagalan Orientalis menelusuri perkembangan ilmu qira'at. Ditambah lagi dengan ada niat menyalahkan pihak lain. Justeru, mereka terburu-buru membuat rumusan tanpa membuat kajian lebih mendalam terlebih dahulu.

Bagi membolehkan al-Quran dibaca dalam pelbagai bentuk wajah qira'at yang dibenarkan (*al-qira'at al-ma'dhunah*) itulah, pada mulanya rasm Mushaf Uthmani ditulis tanpa titik dan baris huruf. Usaha meletakkan tanda-tanda seperti titik dan baris pada huruf al-Quran ini mula dilakukan setelah melihat bilangan pemeluk Islam daripada kalangan bukan Arab ('ajam) semakin meningkat dari semasa ke semasa. Ia dilakukan supaya al-Quran mampu dibaca oleh semua umat Islam yang terdiri daripada pelbagai puak, keturunan dan etnik (al-Akk 1987). Di bawah ini, dikemukakan contoh yang berkaitan dengan maksud tersebut (Balfaqih, 1994):

a. ﴿وَهُوَ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيَّحَ بُشْرًا﴾

Kalimah yang digariskan di bawah (بشرا) jika tidak diletakkan titik ia boleh dibaca dengan بشرا (bushra) mengikut qiraat Asim نشرًا (nushra) mengikut qiraat Ibn Amir, نشرًا (nashra) mengikut qiraat Hamzah dan Kasa'I atau نشرًا (nushura) seperti yang dijelaskan oleh Shalabi (1999).

b. ﴿مَا نُنَزِّلُ الْمَلَائِكَةَ﴾

Kalimah yang digariskan di bawah ننزل jika tidak didapati baris ia boleh dibaca dengan pelbagai bentuk bacaan (wajah qiraat) yang dibenarkan (qiraat ma'dhunah). Bagi qiraat Hafz, Hamzah, Kisaei dan Khalaf dibaca dengan ننزل. Menurut qiraat Shu'bah dibaca dengan ننزل. Qiraat yang dipelopori al-Bazzi pula menetapkan kalimah berkenaan dibaca dengan ننزل (Shalabi, 1999).

PENUTUP

dari semasa ke semasa. Ia dilakukan supaya al-Quran mampu dibaca oleh semua umat Islam yang terdiri daripada pelbagai puak, keturunan dan etnik (al-Akk 1987). Di bawah ini, dikemukakan contoh yang berkaitan dengan maksud tersebut (Balfaqih, 1994): Mushaf Uthmani merupakan satu versi mushaf al-Quran yang diwarisi daripada Sahabat r.a. Ia dikenal pasti mempunyai kaedah tersendiri berasaskan faktor pembuangan, penambahan, penukaran huruf, penyambungan dan pemisahan dua kalimah. Di sebalik kelainan struktur rasm, tersirat suatu rahsia yang masih belum boleh diterokai semuanya oleh ulama dan pengkaji terkemudian. Pembacaan al-Quran dengan menggunakan Mushaf Uthmani selain merupakan amalan sunnah, dapat memantapkan bacaan al-Quran. Melalui kajian ilmiah, mereka sengaja menimbulkan kritikan agar al-Quran yang ada sekarang terdapat ruang yang boleh dipertikaikan. Usaha

merendahkan martabat dan memperkecilkan otoriti Mushaf Uthmani yang dilakukan itu adalah secara tidak langsung boleh menidakkan keaslian al-Quran yang sampai kepada umat Islam sekarang. Justeru, umat Islam perlu mendalami Mushaf Uthmani dari pelbagai dimensi supaya mampu menangkis serangan musuh Islam yang menggunakan kekuatan senjata akademik dalam bentuk yang dimanipulasikan.

RUJUKAN

- Al-Akk, Khalid Abd al-Rahman. (1986). *Tarikh Tawthiq Nas al-Qur'an al-Karim*. Dimashq: Dar al-Fikr li al-Tabaah wa al Tawzi' wa al-Nashr. Cet. 2.
- Alaluh, Muhammad. (2002). *al-Ghazw al-Fikr wa al-Radd ala Iftira' al-Mustashriqin*. Dimashq: Dar al-Aqsa.
- Al-Mutei, Abd al-Azim Muhammad. (1992). *Iftira' al-Mustashriqin ala al-Islam*. Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Arthur John Arberry. (1964). *The Koran Interpreted*. London. Oxford.
- Badawi, Abd al-Rahman. (1993). *Mawsuah al-Mustashriqin*. Bayrut: Dar al-Ilm li al-Malayin. Cet. 3.
- Balfaqih, Alawi bin Muhammad bin Ali. (1994). *al-Qira'at al-Ashar al-Mutawatirah*. Madinah: Dar al-Muhajir li al-Nashr wa al-Tawzi'. Cet. 3.
- Goldziher, Ignaz. 1971. *Muslim Studies (Muhmmedanische Studien: Translited by C.R. Barber & S.M. Stern)*. Albany: State University of New York Press.
- _____. 1944. *al-Madhhab al-Arbaah fi Tafsir al-Qur'an*. (Ter: Ali Hasan Abdul Qadir). Qahirah: Kutub Turath.
- Majid, Muhammad Adil. (2007). *al-Fahm al-Istishraq li Tafsir al-Qur'an*. Risalah al-Dirasah al-Ulya, Jamicah al-Kufah.
- Namlah, Ali Ibrahim al-Hamad. (1998). *al-Istishraq wa al-Dirasat al-Islamiyyah*. Riyad: Maktabah al-Tawbah.
- Rodwell, J.M. (1909). *The Koran*. London: Dent.
- Sale, George & Wherry, E.M. (1973). *A Comprehansive Comentary on the Qur'an: Comprising Sale's Translational and Preliminary Discourse with Additional Notes and Emendations*. Germany: Otto Zeller.
- Shalabi, Abd al-Fattah. (1999). *Rasm al-Mushaf al-Uthmani wa Awham al-Mustashriqin fi Qira'at al-Qur'an al-Karim*. Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Shalabi, Abd al-Jalil. (t.th.). *al-Islam wa al-Mustashriqun*. t.tp.: Matbuah al-Sha'b.
- Al-Sharqawi, Muhammad Abd Allah. (t.th.). *al-Istishraq fi al Fikr al-Islami al-Muasir*. Qahirah: Kulliyyah Dar al-Ulum.